

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

ATP 300 - Undang-Undang Syarikat Dan Kontrak

Tarikh : 31 Oktober 1988

Masa : 2.15 petang - 5.15 petang
[3 jam]

Kertas ini dibahagikan kepada DUA Bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A berkaitan dengan Undang-Undang Kontrak, manakala Bahagian B berkaitan dengan Undang-Undang Syarikat.

Jawab EMPAT soalan sahaja; iaitu DUA soalan dari tiap-tiap bahagian. TIADA SOALAN WAJIB BAGI KERTASINI.

Setiap soalan mempunyai kadar pembahagian MARKAH yang SAMA.

BAHAGIAN A

1. "Kontrak biasanya diwujudkan melalui proses penawaran dan penerimaan. Pihak yang membuat penawaran akan menyatakan janjinya dan apa yang ia kehendaki sebagai balasannya." (J.C. Smith dan J.A.C. Thomas [1973]).

Ulaskan kenyataan ini dengan menyatakan secara terperinci kaedah-kaedah bagaimanakah sesuatu penawaran boleh dibuat?

(100 markah)

2. "Mencukupi untuk diwujudkan sesuatu kontrak itu sekiranya terdapat keupayaan (capacity) pihak-pihak yang berkontrak." Bincangkan sejauh manakah benar kenyataan ini?

(100 markah)

...2/-

[ATP 300]

3. Dalam kes Phang Swee Kim lawan Beh I Hock (1964) 30 M.L.J. 338, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa perjanjian yang dibuat di antara pihak-pihak yang berkontrak adalah sah meskipun terdapat Pembalasan (consideration) yang tidak mencukupi. Bincangkan!

(100 markah)

4. Pada 1 September 1988, Tae Kwan Do telah menawarkan kepada Kung Fu melalui sepucuk surat untuk membeli dua ekor lembu jantan milik Kung Fu. Pada 11 September 1988, Kung Fu telah menerima surat berkenaan daripada Tae Kwan Do. Kung Fu terus membuat Penerimaan pada hari itu juga (11 September 1988) iaitu dengan menulis surat kepada Tae Kwan Do. Pada 7 September 1988, Tae Kwan Do telah melawat ladang ternakan milik Kung Fu. Kerana tersalah masuk pintu kandang, tiba-tiba keluar seekor lembu jantan yang garang. Lembu ini amat terperanjat sekali apabila melihat Tae Kwan Do yang kebetulan memakai baju berwarna merah. Apa lagi, lembu itupun terus mengejar Tae Kwan Do sejauh hampir dua kilometer.

Tae Kwan Do terus lari lintang pukang untuk menyelamatkan dirinya. Akhirnya Tae Kwan Do berjaya memanjang sebatang pokok. Dalam keadaan separuh nyawa kepenatan, ia terus berteriak kepada pekerja-pekerja Kung Fu: "Aaiyaa! Aku tak mahu beli lembu macam ni! Silap haribulan aku yang kojol. Aku taubat! Aku batalkan penawaran aku dulu!!" Keesokan harinya (8 September 1988), Tae Kwan Do terus menulis surat pembatalan penawarannya kepada Kung Fu. Surat ini kemudiannya sampai kepada Kung Fu pada 20 September 1988.

Anda diminta untuk menasihatkan Kung Fu tentang keesahan (validity) kontrak yang dibuat olehnya dengan Tae Kwan Do. Nasihatkan Kung Fu.

(100 markah)

...3/-

BAHAGIAN B

5. "Perbezaan di antara syarikat dan perkongsian hanyalah dari segi prinsip." Bincangkan kenyataan ini dengan menyebut perbezaan-perbezaan penting yang terdapat di antara syarikat dan perkongsian.
(100 markah)
6. Matt Tauge, seorang peniaga kaya telah merancang untuk menubuhkan sebuah syarikat yang akan dinamakan Syarikat Bee See Kaa Rat Sdn. Bhd. Sebelum syarikat ini didaftarkan secara rasmi, Matt Tauge telah mendapat satu tawaran untuk membina sebatang jambatan di Sungai Dua, Pulau Pinang. Sementara menantikan pendaftaran rasmi syarikat, Matt Tauge telah menyiapkan projek pembinaan jambatan berkenaan. Selepas jambatan itu siap dalam jangka masa dua bulan, seorang lelaki gemuk yang bernama Tung Drum, telah cuba menggunakan jambatan tersebut. Malangnya sebaik-baik sahaja lelaki gemuk itu melangkah, satu lantai papan yang belum dipaku telah membidas dan terkena pada perutnya. "Adooiiii!!!!" Tung Drum menjerit kesakitan dan kerana terlalu sakit, dia termuntah. Matanya berpinar-pinar. Tanpa disedari, kakinya terus melangkah ke hadapan. Ia terjatuh ke dalam sungai. Sekarang Tung Drum bercadang untuk mendakwa Syarikat Bee See Kaa Rat Sdn. Bhd. untuk mendapatkan gantirugi di atas kecederaan yang dialaminya. Nasihatkan Tung Drum.
(100 markah)
7. "Urusniaga yang dijalankan oleh sesebuah syarikat mestilah berdasarkan kepada "objek" atau peruntukan yang terdapat dalam Memorandum Persatuan. Urusniaga yang terkeluar dari "objek" Memorandum Persatuan atau ultra vires dengan peruntukan Memorandum Persatuan boleh menyebabkan syarikat tidak bertanggungjawab." Bincangkan.
(100 markah)
8. Dengan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang dan kes-kes yang tertentu, bincangkan kedudukan dan fungsi seseorang pengarah syarikat.
(100 markah)

--oooo000oooo--